



**JABATAN DAKWAH & PEMBANGUNAN INSAN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



NO SIRI

BORANG SOAL SELIDIK

TAJUK PENYELIDIKAN :
**DAKWAH PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) MELALUI POLITIK : KAJIAN TERHADAP
PERSEPSI JEMAAH TABLIGH DI MASJID JAMEK BANDAR BARU SERI PETALING,
KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum.

Tuan/Puan,

Dimaklumkan bahawa Penyelidik merupakan calon Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Kerjasama Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengisi borang soal selidik ini dengan ikhlas. Segala maklumat yang diberi adalah dirahsiakan kerana ia hanyalah kajian ilmiah yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai dakwah Parti Islam SeMalaysia (PAS). Atas segala kerjasama yang anda berikan, didahulukan dengan ucapan jutaan terima kasih.

Penyelidik

BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN

ARAHAN: Bahagian ini adalah soalan-soalan mengenai maklumat peribadi responden. Diharap anda dapat memberikan maklumat dengan menandakan (✓) dalam petak berkenaan.

1. Jantina :

- i. Lelaki
ii. Perempuan

2. Umur :

- i. 21 hingga 30
ii. 31 hingga 40
iii. 41 hingga 50
vi. 51 tahun ke atas

3. Status Perkahwinan :

- i. Bujang
ii. Berkahwin
iii. Duda/Janda

4. Lokasi Tempat Tinggal :

- i. Bandar
ii. Pekan/Pinggir Bandar
iii. Desa/Kampung

5. Tahap Akademik :

- i. Phd
ii. Ijazah Sarjana
iii. Ijazah Sarjana Muda
vi. Diploma
v. Sijil
iv. STPM/STAM
iiiv. SPM
iiiv. SRP/PMR

6. Pekerjaan :

- i. Mahasiswa
ii. Kakitangan Kerajaan
iii. Kakitangan Swasta
vi. Bekerja Sendiri
v. Pesara/Tidak Bekerja
iv. Lain-lain :
(Sila nyatakan) _____

7. Lama Menyertai Jemaah Tabligh :

- i. Kurang dari setahun
ii. 1-3 tahun
iii. 4-6 tahun
vi. 7 tahun ke atas

ARAHAN : Untuk bahagian B, sila berikan penilaian anda berkenaan perkara-perkara berikut berasaskan kepada skala di bawah. Bulatkan jawapan yang disediakan.

SKALA : 1= Sangat Tidak Setuju 3= Sederhana Setuju 5= Sangat Setuju
 2= Tidak Setuju 4= Setuju

| BAHAGIAN B: DAKWAH DAN POLITIK DALAM ISLAM | | | | | | |
|---|---|------------------|--------------|------------------|--------|---------------|
| | | Sgt tidak setuju | Tidak setuju | Sederhana setuju | Setuju | Sangat setuju |
| 1 | Politik Islam adalah berbeza dengan politik Barat | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Politik Islam merupakan salah satu saluran penyebaran dakwah Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Melalui sistem politik, Rasulullah S.A.W. menjadikannya sebagai salah satu medium penyebaran dakwah Islam sekali gus dapat memperluaskan pengaruh dan empayar Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4 | Kombinasi dakwah dan politik mampu menjana perkembangan dakwah Islam secara menyeluruh | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5 | Dakwah dan politik berperanan untuk mengurus dan mentadbir kehidupan manusia berlandaskan syariat Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6 | Tidak wujud pemisahan antara dakwah dan politik dalam Islam bahkan pemisahan antara keduanya akan merugikan umat Islam itu sendiri | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

ARAHAN : Untuk bahagian C, sila berikan penilaian anda berkenaan perkara-perkara berikut berasaskan kepada skala di bawah. Bulatkan jawapan yang disediakan..

SKALA : 1= Sangat Tidak Setuju 3= Sederhana Setuju 5= Sangat Setuju
 2= Tidak Setuju 4= Setuju

| BAHAGIAN C: PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) | | | | | | |
|---|--|------------------|--------------|------------------|--------|---------------|
| | | Sgt tidak setuju | Tidak setuju | Sederhana setuju | Setuju | Sangat setuju |
| 1 | Sebuah parti politik Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Salah satu komponen parti pembangkang di Malaysia | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Sebuah parti yang menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4 | Sebuah parti yang dibarisi dengan kepimpinan ulama | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5 | Sebuah parti yang berjuang untuk menegakkan sebuah negara Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6 | Sebuah pertubuhan dakwah Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7 | PAS menjadikan pentas politik sebagai medium untuk melaksanakan dakwah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8 | Dakwah PAS meliputi seluruh aspek keperluan kehidupan manusia | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 9 | PAS adalah salah satu badan dakwah Islam yang sangat berpengaruh dalam masyarakat di Malaysia | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 10 | PAS merupakan di antara pertubuhan dakwah yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan dakwah Islam di Malaysia | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

ARAHAN : Untuk bahagian D, sila berikan penilaian anda berkenaan perkara-perkara berikut berasaskan kepada skala di bawah. Bulatkan jawapan yang disediakan.

SKALA : 1= Sangat Tidak Setuju 3= Sederhana Setuju 5= Sangat Setuju
 2= Tidak Setuju 4= Setuju

| BAHAGIAN D: DAKWAH PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS) | | Sgt tidak setuju | Tidak setuju | Sederhana setuju | Setuju | Sangat setuju |
|--|---|------------------|--------------|------------------|--------|---------------|
| 1 | Membentuk kepimpinan yang diterajui oleh para ulama sejajar dengan falsafah dan ideologi yang memperjuangkan Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2 | Menjadikan kepimpinan ulama sebagai nadi utama kepada gerakan yang berinspirasi Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3 | Mengadakan kerjasama dengan orang bukan Islam (<i>tahalluf siyasi</i>) merupakan salah satu medium dakwah untuk PAS mendekati golongan non-Muslim | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4 | Menubuhkan institusi pendidikan untuk memberi pendidikan Islam kepada masyarakat daripada peringkat akar umbi seperti Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Sekolah Rendah Islam Darul Ulum (SRIDU), Sekolah Menengah Islam Darul Ulum (SMIDU), dan Kolej Islam Darul Ulum (KIDU) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 5 | Mengadakan program tarbiah untuk membina jati diri dan individu Muslim seperti usrah, majlis ilmu, kelas pengajian agama, perkhemahan, dan latihan kemahiran | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6 | Membangkitkan isu negara Islam secara tidak langsung akan memberi kefahaman kepada masyarakat tentang konsep negara Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7 | Memberi penjelasan kepada masyarakat tentang konsep negara Islam melalui penulisan, pembentangan kertas kerja, seminar, forum, ceramah, dan sebagainya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8 | Mendesak kerajaan untuk mengubah dasar yang lebih Islamik seperti Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam, serta pengistiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 9 | Wakil PAS di Parlimen melakukan cadangan dan pembangkangan terhadap sesuatu usul kerajaan supaya bersesuaian dengan keperluan dan tuntutan syariat Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 10 | Memperkenalkan model pentadbiran Islam, sistem kewangan Islam, sistem ekonomi Islam, konsep kesenian dan hiburan dalam Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 11 | Menguatkuasakan undang-undang Islam, menubuhkan undang-undang keluarga Islam, dan memperkasakan sistem pendidikan Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | | Sgt tidak setuju | Tidak setuju | Sederhana setuju | Setuju | Sangat setuju |
|----|---|------------------|--------------|------------------|--------|---------------|
| 12 | Menghapuskan kemungkaran amalan syirik dan maksiat, menutup pusat-pusat hiburan, pelacuran dan perjudian | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 13 | Mengetatkan penjualan arak secara berleluasa, dan mengawal batasan aurat dalam iklan dan papan tanda yang memperagakan lelaki dan wanita | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 14 | Mewujudkan satu jaringan kerjasama dan hubungan baik dengan gerakan-gerakan Islam di seluruh dunia untuk membina kekuatan Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 15 | Memupuk perpaduan gerakan Islam dan saling membantu dalam menangani isu-isu serta permasalahan umat Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 16 | Menyatukan fikrah para ulama, kepimpinan, dan seluruh umat Islam tanpa mengira batasan negara dan mazhab | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17 | Memperjuangkan kemerdekaan negara yang berasaskan kepada pelaksanaan hukum-hukum Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 18 | Memupuk perpaduan antara kaum yang pelbagai agama, bangsa, budaya, dan etnik untuk mewujudkan suasana yang harmoni, aman, dan selamat dalam masyarakat majmuk | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 19 | Menggariskan beberapa agenda kemasyarakatan dalam bidang ibadat, sosial, kebajikan, kesihatan, pembangunan, pendidikan, ekonomi, dan hubungan antara kaum | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 20 | Menyediakan skim tertentu sebagai bantuan kepada masyarakat seperti skim ibu tunggal, skim perkahwinan, skim pelajaran, dan sebagainya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 21 | Menubuhkan unit tertentu untuk menjalankan kerja-kerja sosial seperti Unit Amal, Unit Amal Nisa' wa al-Banat, dan sebagainya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 22 | Menangani isu-isu semasa, menyelesaikan salah faham dan menghapuskan sikap prejudis terhadap Islam contohnya penjelasan PAS mengenai salah faham terhadap hukum hudud, Islam sebagai agama teroris, jumud, dan mundur | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 23 | Menggunakan medium penerbitan untuk menjawab dan memberi penjelasan terhadap sesuatu isu yang timbul khususnya yang berkaitan dengan akidah Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24 | Menghasilkan penulisan-penulisan untuk memberi penjelasan tentang Islam seperti buku, artikel ilmiah serta melakukan terjemahan terhadap buku-buku luar negara | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 25 | Memperkukuhkan akidah Islam di kalangan masyarakat dengan memberi penjelasan tentang Islam dan prinsip-prinsip akidah Islamiah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 26 | Memberi penjelasan kepada golongan non-Muslim tentang Islam melalui penganjuran program-program seperti mengadakan dialog, bengkel, dan seminar ilmiah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 27 | Memperkenalkan konsep perpaduan masyarakat Malaysia melalui program keluarga angkat, perkahwinan campur, mempelajari bahasa asing, dan pengajian antara budaya | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 28 | Menjaga hak dan kebajikan golongan non-Muslim serta menjalin hubungan yang baik untuk meraih sokongan mereka ke arah membentuk negara Islam | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

